

# OIC perlu kesatuan umat

M.M M/S 10 11/3/07

Oleh HASSAN MOHD NOOR

**HAMAS** bukan kumpulan pengganas! Itu mesej yang hendak disampaikan oleh pemimpinnya Khaled Meshaal. Minggu lalu Khaled bersama rombongannya berkunjung ke negara ini. Tanpa publisiti Khaled berada di Malaysia selama dua hari sebelum pulang pada Isnin.

Pada Sabtu, mereka bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Mereka mahu menjalinkan hubungan dan mempamerkan mereka bukan kumpulan pengganas tetapi sebagai pejuang yang berhak memimpin dan menubuhkan negara. Mereka mahu menolak tanggapan yang dibuat oleh media Barat seolah-olah Hamas pertubuhan pengganas," kata Syed Hamid.

Kehadiran Khaled kena pada masanya selepas pertemuan yang menghasilkan Perisytiharan Mekah - rundingan memabitkan pemimpin Fatah dan Hamas yang dianjurkan oleh Arab Saudi.

Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), mereka meminta kerjasama Malaysia melepaskan sekatan yang dikenakan.

"Mereka memerlukan sokongan dan bantuan bukan sebagai sebuah parti tetapi kerajaan pilihan rakyat. Itu antara yang mereka bangkitkan," kata Syed Hamid kepada *Mingguan Malaysia*.

Tetapi sejauh mana peranan OIC dalam hal ini? Apakah yang boleh dilakukan setelah banyak usaha damai Palestin-Israel gagal dilaksanakan?

Syed Hamid mengakui masih banyak rintangan yang dihadapi tetapi OIC akan terus berusaha walaupun sekadar bersuara. Contohnya bulan lalu, tujuh negara Islam - Malaysia, Pakistan, Indonesia, Arab Saudi, Mesir, Jordan dan

**Kita mengharapkan kesepakatan di kalangan negara Islam supaya kita dapat bercakap dengan AS, Kesatuan Eropah (EU) bahawa di sini bukan isu kaum, agama dan budaya tetapi isu keadilan dan kemanusiaan.**

maka segala-galanya bergantung kepada Israel," kata Syed Hamid.

Menurut beliau dari segi sejarah, Israel diwujudkan di Palestin melalui piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan dalam piagam itu juga dijanjikan kewujudan sebuah negara Palestin.

Walaupun mengakui bahawa mesyuarat-mesyuarat yang diadakan bukan bermakna masalah dapat diselesaikan tetapi ia boleh timbul dan menghidupkan semula isu tertanggung iaitu janji masyarakat dunia untuk melahirkan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka.



SYED HAMID ALBAR

pembentukan negara Palestin ini?

"Saya fikir banyak bergantung kepada negara-negara rantau dan Amerika Syarikat yang akan menjadi penentu sama ada Palestin akan terbentuk atau tidak. Kita memerlukan pendekatan baru untuk merealisikannya," katanya.

Dalam hubungan ini, isu Masjid Al-Aqsa misalnya, beliau sebelum ini turut mencadangkan supaya pernyataan disusuli dengan tindakan kerana Israel sebenarnya tidak mempedulikan undang-undang antarabangsa.

"Tidak cukup bercakap, sebab itu saya kata, patut dikaji hubungan diplomatik

kemahuan yang bersungguh-sungguh, pendirian politik di kalangan umat Islam berbeza malahan banyak negara yang tidak menguasai politik sendiri sehingga mereka sering digula-gulakan.

"Dalam Islam kalau kita hendak buat sesuatu ia bergantung kepada niat, jika niat elok maka eloklah perbuatan itu," katanya sambil mengakui umat Islam kini hanya semakin kuat bersuara.

"Perjuangan ini mempunyai laluan yang jauh," katanya.

Beliau menegaskan bahawa OIC tidak meminta AS menukar dasarnya untuk menjadi negara pro-Arab atau Islam.

"Kita minta dia seimbang, adil dan saksama dalam menguruskan isu Palestin dengan Israel. Apabila broker damai berat sebelah, maka sukarlah untuk mencapai perdamaian.

"Saya beritahu Condoleezza Rice bahawa apabila Palestin diminta mengadakan pilihan raya secara demokrasi, mereka adakan tetapi apabila menang tidak diiktiraf. Begitu juga apabila disuruh membentuk kerajaan perpaduan, ia tidak diiktiraf kerana adanya Hamas.

"Dulu kumpulan Israel yang cuba membentuk Israel diterima sebagai kumpulan teroris tetapi apabila tiba kepada Palestin, Hamas tidak diterima. Kenapa? Apakah nyawa rakyat Palestin tidak penting?" katanya.

Syed Hamid berharap pertemuan tujuh negara Islam di Islamabad dapat menyatukan tekad untuk menyelesaikan isu Palestin serta isu-isu lain termasuk di Iraq dan Afghanistan.

"Kita mengharapkan kesepakatan di kalangan negara Islam supaya kita dapat bercakap dengan AS, EU bahawa di sini bukan isu kaum, agama dan budaya tetapi isu keadilan dan kemanusiaan. Itu cita-cita murni kita tanpa henti-henti kerana Malaysia mempunyai kestabilan politik dan ekonomi yang menyebabkan

Turki bertemu di Islamabad bagi merangka pelan damai Palestin-Israel yang baru untuk dikemukakan kepada Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Israel. Terdahulu daripada itu, Mesyuarat Luar Biasa Menteri-Menteri Luar Mengenai Keganasan Israel terhadap Masjid Al-Aqsa diadakan di Jeddah.

Dua pertemuan itu menunjukkan kesungguhan negara-negara Islam yang mahu menyelesaikan isu Palestin.

"Isu Palestin salah satu isu antara-bangsa yang tidak selesai kerana kurang kesungguhan di peringkat golongan yang boleh mempengaruhi keputusan mencari penyelesaian. Ada masanya isu ini seolah dilupai kerana kita terlampau memberi keutamaan kepada isu Israel,

## Iktiraf

Beliau berkata, dalam pembentukan kerajaan perpaduan di Palestin, tidak seharusnya timbul desakan Palestin mengiktiraf Israel kerana Israel sudah wujud dan menganggotai PBB. PLO juga telah mengiktiraf Israel.

"Tidak timbul lagi soal Hamas mengiktiraf Israel. Apakah setiap kali pilihan raya dan kerajaan dibentuk di Palestin, mereka perlu mengiktiraf Israel?" katanya.

Bagi Syed Hamid, inilah propaganda berterusan oleh Israel bagi menggagalkan perpaduan rakyat Palestin.

Justeru apakah kesudahan episod

antara negara Islam dengan Israel kerana dia telah mencemar tempat suci umat Islam seluruhnya. Negara-negara Islam perlu memikirkan semula hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Israel," katanya. Dalam hal ini, umat Islam mesti sepakat.

"Kenapa perlu kita terlampau merendah diri? Di dalam dunia ini ada lima bilion manusia yang setiap lima orang adalah seorang Islam. Kita mempunyai kuasa ekonomi dan kuasa politik tetapi tidak ada kesatuan umat," katanya.

Kenyataan Syed Hamid itu ada benarnya kerana gesaan supaya negara-negara Islam yang mempunyai hubungan dengan Israel tidak menunjukkan reaksi yang positif. Puncanya adalah negara-negara berkenaan tidak mempunyai

negara-negara lain menghormati kita.

"Orang hormat kita dan mahu melihat contoh kita untuk mencapai kejayaan. Walaupun kita bukan kuasa besar tetapi suara kita ada makna," katanya.

## Peranan

Mengenai peranan PBB dalam isu ini, Syed Hamid tidak menafikan harapan tinggi terhadap badan dunia itu.

"Tetapi PBB masih di tahap lama, masih dikuasai negara besar tetapi kita tidak ada alternatif lain," katanya.

Beliau mengakui OIC kadangkala mempunyai keputusan dan usul yang baik tetapi akhirnya tinggal di atas kertas. Keadaan ini menyebabkan OIC dilihat seolah-oleh lumpuh, gagal mengambil tindakan yang berkesan.

"Tetapi ini kerana mereka tidak menghayati bahawa dalam sistem pentadbiran dan politik tidak semudah menterjemahkan tindakan dengan keputusan. Keputusan boleh dibuat tetapi apabila hendak bertindak ada rintangan tertentu, apatah lagi kita tidak ada kuasa besar dalam dunia ini, kebanyakan ahli OIC negara miskin yang kadangkala mempunyai masalah sendiri," katanya.

Bagaimanapun suara OIC makinantang dan semakin didengar dan kehadiran Malaysia di Asia Barat amat ketara bukan sahaja dari perwakilan kedutaan tetapi dari segi projek yang terdapat di negara Islam serta pelaburan negara Islam di sini.

"Kita banyak mendapat pengiktirafan dan manfaat daripada memainkan peranan dalam OIC. Kita juga menjadi pengasas kepada penstrukturan semula OIC, mungkin satu masa nanti, nama OIC akan ditukar sebab namanya kini berkait dengan persidangan dan kita memerlukan satu pertubuhan yang lebih mantap serta ahli-ahli yang lebih komited," katanya.

Apa yang penting sekarang ialah memantapkan kerjasama negara anggota supaya mempunyai kesatuan yang kuat.

Kuasa besar menyedari bahawa negara-negara Islam mempunyai kekuatan ekonomi hasil bumi dan mereka sendiri terasa boleh terus memanfaatkannya.

"Tetapi soalnya bagaimana kita gunakan semua ini," katanya.